

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN
KOMPLEKS ISLAM, LUNDANG
15200 KOTA BHARU
TEL: 09-7481512 / 7445957 FAX : 09-7485512 / 09-7416565

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (keutamaan kepada peranakan Negeri Kelantan) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

- | | | |
|------------------|---|--|
| a) Jawatan | : | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 |
| b) Kumpulan | : | Pelaksana |
| c) Kem/Jab | : | Badan Berkanun Negeri |
| d) Jadual Gaji | : | Gred FA29 |
| e) Taraf Jawatan | : | TETAP |

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,549.00	RM5,684.00	RM145.00

f) Syarat Lantikan:

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- ii) Warganegara Malaysia;
- iii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- iv) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred FA29 : RM1,549.00); atau
- v) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred FA29 : RM1,549.00); atau
- vi) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred FA29 : RM1,855.00); atau
- vii) Diploma dalam kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred FA29 : RM1,929.89).

g) Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

h) Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
- ii. lulus Peperiksaan Khas; dan

Had umur pelantikan:

- i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

Nota : Calon-calon yang layak memohon perlulah melepas ujian pengaturcaraan sebelum disenarai pendek untuk sesi temuduga

Penting : Syarat Kelayakan ini hanya berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan 1/2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saran Malaysia)